

# 700 peserta sertai SAID 2001

UM 18 AUG 2001  
Daripada a. MANIMARAN

KAMPALA (Uganda) 17 Ogos — Dialog Global 2001 (SAID/LID) yang akan berlangsung selama empat hari mulai esok di sini, akan disertai kira-kira 700 peserta, satu jumlah yang begitu besar sejak penemuan yang membincangkan amalan konsep perkongsian bestari diperkenalkan enam tahun lalu di Langkawi, Malaysia.

Pengerusi Bersama Kumpulan Eksekutif Global 2001, Tan Sri Dr. Omar Abdul Rahman berkata, jumlah tersebut yang kebanyakannya peserta tempatan dari kalangan rakyat Uganda, adalah sesuatu di luar jangkauan memandangkan pihaknya hanya menganggarkan kira-kira 400 peserta tahun ini.

"Ini menunjukkan terdapat minat mendalam di kalangan peserta tempatan negara ini (Uganda).

"Dengan penyertaan ini, kami terpaksa melihat semula susunan pembahagian kedudukan peserta supaya ia sesuai dengan matlamat mendapatkan kumpulan peserta yang seimbang bagi mengumpul idea-idea dan maklum balas," katanya kepada wartawan Malaysia menjelang Global 2001 yang akan berlangsung di Speke Resort, Munyonyo kira-kira 17 kilometer dari sini.



GLOBAL 2001 (SAID/LID)

da Sosial bersama isteri-isteri ketua kerajaan atau negara peserta.

Rombongan Malaysia seramai 47 orang turut merangkumi Menteri Tenaga, Multimedia dan Komunikasi, Datuk Amar Leo Moggie dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid.

Kedua-dua menteri berkenaan akan menyertai sesi perbincangan memba-bitkan Kumpulan Menteri dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan.

Pada tahun ini kumpulan menteri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan akan mengadakan perbincangan secara mendalam berbanding sesi singkat pada dialog-dialog, sebelum ini.

"Isteri Presiden Uganda, Janet Museveni sendiri meminta supaya (Datuk) Azmi berkongsi pengalaman Malaysia mengenai pembangunan luar bandar bersama kumpulan agenda sosial," kata Omar.

Global 2001 merangkumi Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) dan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID). LID tahun ini tidak akan diadakan, sebaliknya kedua-dua diadakan bersama atas nama Global 2001.

Tema Global 2001 ialah Mempertingkatkan Iklim Untuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) Melalui Perkongsian Bestari.

Ketua-ketua kerajaan dan negara dari 14 buah negara termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mengambil bahagian dalam dialog kali ini. Buat pertama kali, Setiausaha Agung Komanwel, Don McKinnon juga akan menyertai bersama.

Mengenai harapan negara tuan rumah menerusi penganjuran Global 2001, Omar yang juga Pengerusi Pakatan Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) memberitahu, Uganda meletakkan harapan tinggi untuk memperoleh manfaat menerusi dialog ini.

"Terdapat respons yang begitu positif daripada ahli-ahli perniagaan di sini untuk berkongsi pengalaman dan menjalin hubungan dengan rakan-rakan perniagaan mereka dari Malaysia," katanya.

Selain Dr. Mahathir, turut mengambil bahagian dalam Global 2001 ialah Datin Seri Dr. Siti Hasnah Mohd. Ali iaitu menerusi sesi Kumpulan Agen-

## Penting

Selain Kumpulan Ketua Kerajaan, Agenda Sosial dan Menteri dan Pegawai Pegawai Kanan Kerajaan, Kumpulan Ahli Perniagaan dan Kumpulan Media juga akan memainkan peranan penting pada Global 2001, jelas beliau.

Kumpulan Media akan memainkan peranan penting dalam penubuhan rangkaian berita Smart News Network International (SNNi) pada Isnin ini.

Perasmian Global 2001 akan berlangsung pada malam esok. Ia akan dirasmikan oleh Presiden Uganda, Yoweri Kaguta Museveni.

Mengenai sesi perbincangan, Omar berkata, dua sesi interaksi pada hari kedua Ahad ini masing-masing akan membincangkan Meningkatkan FDI Cabaran dan Kekurangan, dan Meningkatkan FDI Pelaburan dan Peluang-peluang Pasaran. Ia disusuli dengan sesi khas kumpulan-kumpulan berkenaan pada hari ketiga secara serentak.

Sesi dialog ketiga mengenai FDI, Selasa ini akan membincangkan mengenai cara amalan perkongsian bestari mencapai matlamat pelaburan langsung asing.

Selain SNNi, Global 2001 akan menyaksikan pelancaran Agensi Insurans Dagangan Africa, kata Omar. - Utusan